

## **KLGCC Mall Milik Sime Darby Property Kini Dibuka, Meningkatkan Pengalaman Runcit untuk Komuniti Sekitar**

- Pusat beli-belah baharu Sime Darby Property, KLGCC Mall, telah dibuka hari ini dengan kadar penghunian 90%, mengukuhkan ekosistem KLGCC Resort sebagai destinasi gaya hidup dan runcit baharu;
- Diposisi sebagai pusat beli-belah kejiranan untuk komuniti setempat, ia direka sebagai hab mudah bagi keperluan harian serta destinasi untuk pengalaman bersama;
- Menampilkan gabungan runcit, pengalaman mesra keluarga dan aktiviti kebudayaan yang menarik.

**ARA DAMANSARA, 24 Oktober 2025** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) hari ini meraikan pembukaan (*soft opening*) Kuala Lumpur Golf & Country Club (“KLGCC”) Mall, mercu tanda runcit terbaharu yang direka untuk menjadi nadi sosial dan budaya kepada KLGCC Resort.

KLGCC Mall menggabungkan penglibatan komuniti, penemuan kulineri serta aktiviti kreatif, dengan penyewa utama seperti Jaya Grocer Signature, The Grounds of Serai dan Serai Hall oleh Serai Group, ACE Hardware, Asia Ballet Academy, dan taman permainan kanak-kanak HarborLand pertama di Malaysia.

Terletak secara strategik dalam pelan induk KLGCC Resort seluas 360 ekar, dan dikelilingi oleh kejiranan terkenal seperti Bukit Damansara, Mont Kiara, Sri Hartamas, Bangsar dan Taman Tun Dr. Ismail, pusat beli-belah ini melengkapkan ekosistem sedia ada yang turut merangkumi Menara KLGCC dan Pusat Konvensyen Sime Darby, sekali gus mengukuhkan kedudukan KLGCC Resort sebagai destinasi gaya hidup bersepadu terkemuka.

Majlis tersebut dihadiri oleh ahli lembaga pengarah dan barisan pengurusan Sime Darby Property, rakan kongsi perniagaan, penyewa, dan tetamu jemputan, dengan persembahan pelbagai budaya yang melambangkan perpaduan dan permulaan era baharu peruncitan untuk perbandaran ini. Pengunjung juga boleh menikmati pelbagai promosi menarik dan hadiah istimewa sempena sambutan pembukaan *soft opening* pusat beli-belah ini.

Dato’ Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, berkata, “KLGCC Mall mencerminkan pendekatan Sime Darby Property dalam memperkukuh sumber pendapatan berulang melalui pembangunan aset berkualiti yang berteraskan komuniti. Ia dibina khusus untuk memenuhi keperluan lebih 300,000 penduduk di kawasan sekitarnya, menawarkan kemudahan dan gaya hidup di satu destinasi.

Dengan 90% ruang runcit telah disewa, ini membuktikan keyakinan penyewa terhadap kemampuan kami untuk menyampaikan pengalaman runcit yang terancang dan memberi tumpuan kepada komuniti serta mewujudkan nilai jangka panjang dalam pasaran yang sentiasa berkembang.”

Tambah beliau, “Sebagai syarikat hartanah yang berteraskan tujuan, fokus kami melangkaui pembangunan fizikal. Melalui KLGCC Mall, kami ingin mewujudkan ruang mesra dan mengalu-alukan semua – tempat di mana perdagangan, budaya dan komuniti bersatu.”

KLGCC Mall bertujuan untuk meningkatkan pengalaman runcit kejiwaan dengan gabungan jenama gaya hidup dan jenama baharu di pasaran, meliputi lima aras dengan keluasan runcit 240,000 kaki persegi untuk memenuhi keperluan komuniti setempat, menjadikannya destinasi ideal untuk aktiviti keluarga dan keperluan harian.

Jaya Grocer Signature memperkenalkan konsep gourmet pertamanya dengan pilihan produk *artisanal* dan barangan import premium yang lebih meluas. HarborLand, pengendali taman permainan dalaman terkemuka Thailand, membuat penampilan sulungnya di Malaysia dengan pengalaman permainan bertaraf dunia untuk kanak-kanak. Serai Group memperkenalkan “The Grounds of Serai,” ruang eksklusif yang menempatkan restoran utama Serai bersama Super Blonde, Taffy Gelato dan Brotani Juice Bar. Di Aras Tiga, ruang acara serba guna Serai Hall pula sesuai untuk majlis perkahwinan, acara korporat dan aktiviti gaya hidup. Pusat beli-belah ini juga menempatkan Asia Ballet Academy, yang membimbing penghibur generasi akan datang, serta MORPH, pusat kecergasan berkonsepkan moden yang menggabungkan latihan *Hyrox*, *reformer pilates*, *parkour* dan zon terapi pemulihan. ACE Hardware menyediakan penyelesaian bagi keperluan rumah dan gaya hidup.

KLGCC Mall turut menjadi lokasi pelancaran untuk beberapa jenama pertama di Malaysia termasuk Coast & Roast by Fish & Co., Fiel Charcoal Grillhouse by Kay’s Steak & Lobster, salon inspirasi Jeju Goyo, Dara Gogi, Ristorante Al Pacino, Kuih & Kopi, Eden Social Club, dan Seiko Vision. Pusat beli-belah ini juga akan menjadi lokasi fizikal pertama untuk jenama popular seperti Smiths Breads & Café, hétam Go meets chef kecil x ijo, Kualesa, Bad Scones, EM’s Cookies, Hebe Clinic, dan Inari Jewellery.

Jenama kulinari kegemaran ramai seperti Siti Li Dining & Foodhall, Pasta Zanmai, dan The Third Serving (sebelum ini dikenali sebagai Oriental Cravings) turut kembali. Melengkapkan senarai penyewa ialah jenama hiburan dan gaya hidup seperti Toys’ R Us dan VR Live.

Gabungan jenama perintis dan klasik yang kembali ini memastikan pengalaman yang segar dan tersendiri untuk setiap pengunjung.

Antara tarikan utama ialah amfiteater atas bumbung dengan pemandangan padang golf KLGCC, dan direka untuk menganjurkan pameran kreatif, persembahan muzik secara langsung dan aktiviti komuniti. Sebagai sebahagian daripada program pembukaannya, pusat beli-belah ini akan menjadi tuan rumah bersama “State of Mind: Art-Tech-Wellness Exhibition Experience”, kolaborasi dinamik dengan Galeri MahsuriShark yang berlangsung sehingga 6 November. Acara imersif ini mengajak pengunjung menerokai persimpangan antara seni dan teknologi melalui pelbagai pengalaman interaktif. Ini termasuk pameran seni *Augmented Reality* (“AR”), galeri seni maya, pemburuan koleksi digital, arca maya binaan komuniti, studio pergerakan (*motion studio*), pertandingan seni, serta siri bengkel dan ceramah seni-teknologi, menawarkan pendedahan mendalam ke masa depan kreativiti.

Keseronokan akan diteruskan sepanjang November dengan festival kebudayaan dan sambutan warisan Malaysia yang menampilkan artis tempatan serta persembahan tradisional. Menjelang akhir tahun, suasana akan diteruskan dengan sambutan Krismas yang mempesonakan, penuh dengan hiburan keluarga termasuk nyanyian koir dan persembahan silap mata yang menarik.

KLGCC Mall merupakan tambahan terbaharu dalam portfolio runcit Sime Darby Property yang semakin berkembang dan menekankan kekuatannya dalam membangunkan destinasi yang dipacu komuniti. Sebagai aset runcit ketiga milik penuh Syarikat, ia menyertai barisan seperti Elmina Lakeside Mall dan KL East Mall, kedua-duanya telah mencapai kadar sewaan penuh.

Pusat beli-belah ini mudah diakses dengan sambungan strategik ke Lebuhraya Sprint, Lebuhraya Damansara–Puchong (“LDP”), Lebuhraya Persekutuan dan New Klang Valley Expressway (“NKVE”). Perkhidmatan ulang-alik (*shuttle*) harian turut disediakan, menghubungkan KLGCC Mall ke stesen MRT Semantan dan kawasan kejiranan berdekatan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://klgccmall.com> dan <https://www.simedarbyproperty.com/klgcc-resort/>. Untuk pertanyaan sewaan dan pemasaran, sila emel ke: [mall.marketing@simedarbyproperty.com](mailto:mall.marketing@simedarbyproperty.com).

**-TAMAT-**

## Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampunan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 26 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)  
Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | [natalie.ariffin@simedarbyproperty.com](mailto:natalie.ariffin@simedarbyproperty.com)  
Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)  
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)